

'Jangan kenakan faedah pinjaman kepada petani'

PULAU PINANG, Ahad.

Kerajaan dicadangkan supaya tidak mengenakan sebarang faedah untuk pinjaman yang dikeluarkan kepada peniaga kecil serta petani di seluruh negara.

Najib Presiden Umno Encik Ghafar Baba berkata hari ini, para peminjam itu boleh membayar balik tanpa dikenakan sebarang faedah.

Ini bertujuan membolehkan peniaga kecil itu dapat meningkatkan kemajuan mereka sehingga ke tahap yang berjaya.

Encik Ghafar mencadangkan demikian sewaktu berucap di Konvensyen Umno Negeri, di sini.

Belliau berkata, meskipun kerajaan tidak mengambil faedah dari pinjaman itu tetapi kerajaan boleh mendapatkan hasil cukai bila perniagaan mereka maju nanti.

"Inilah satu langkah yang positif jika kita bertujuan menolong para peniaga kecil," ujarnya lagi.

Unit khas

Belliau juga menyeru semua bank di seluruh negara menubuhkan unit khas untuk membantu penduduk di luar bandar mendapatkan perkhidmatan bank bagi meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka.

Encik Ghafar berkata, unit-unit itu perlulah pergi ke kampung-kampung untuk menerangkan perjalanan bank.

"Dengan cara demikian

penduduk luar bandar khususnya orang-orang Melayu boleh mendapat pengetahuan dan panduan tentang bagaimanakah mereka boleh mendapat perkhidmatan dari bank-bank," ujarnya.

Menurut Encik Ghafar, inilah satu cara membolehkan penduduk di luar bandar meningkat maju dalam bidang perniagaan dan sebagainya.

"Mereka tidak boleh mencapai kemajuan yang pesat jika mereka mengharapkan menjalankan perniagaan dan perusahaan dengan mengumpul wang mereka sendiri tanpa mendapatkan peluang perkhidmatan menerusi bank," tambah belliau.

Encik Ghafar berkata, mereka yang maju dalam bidang perdagangan dan per-

sahaan di negara ini semuanya mendapat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh bank-bank.

Oleh kerana itu, ujarnya, peluang ini mestilah direbut oleh penduduk di luar bandar, kata Encik Ghafar.

Belliau berkata ini adalah juga satu langkah untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan penduduk di luar bandar.

Encik Ghafar juga mencadangkan supaya kerajaan menamatkan seorang pegawai khas ekonomi di tiap-tiap kawasan parlimen.

Pegawai ini, katanya, dapat meringankan tugas-tugas yang dipikul oleh pegawai-pegawai daerah yang sibuk.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia